

UMS meterai hasrat kerjasama dengan Quest International University Perak

UB 24-8-2019 A6

PERAK: Pusat Penyelidikan Pelancongan Borneo di bawah Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menandatangani surat hasrat dengan Fakulti Perniagaan dan Pengurusan, Quest International University Perak (QIUP) dalam mengukuhkan kerjasama, penyelarasan dan mobiliti dalam bidang pelancongan dan kelestarian antara kedua-dua universiti.

Pusat Penyelidikan Pelancongan Borneo diwakili oleh pengaruhnya, Prof. Dr. Jennifer Chan Kim Lian menandatangani surat hasrat tersebut, manakala QIUP diwakili oleh Ketua Pegawai Operasi QIUP, Nicholas Goh.

Majlis menandatangani su-

rat hasrat antara kedua-dua pihak yang berlangsung di QIUP, Ipoh, Perak turut disaksikan oleh Dekan Fakulti Perniagaan dan Pengurusan QIUP, Prof. Dr. Loke Siew-Phaik dan pensyarah kanan FPEP UMS, Prof. Madya Dr. Awangku Hassanal Bahar Pengiran Bagul yang mewakili Dekan FPEP, Prof. Madya Dr. Raman Noordin.

Surat hasrat tersebut telah menggariskan cara untuk kedua-dua institusi bekerjasama dalam aktiviti pertukaran pelajar atau kakitangan, kerjasama dalam projek pendidikan dan aktiviti akademik seperti latihan, seminar, bengkel dan persidangan.

Dalam pada itu, Nicholas Goh menyatakan kepentingan bagi kedua institusi untuk

bekerja dalam bidang pelancongan dan kelestarian untuk memastikan kesedaran dan faedah tersebar luas.

“Saya mengalau-alukan kerjasama ini kerana terdapat banyak perkara dari kedua-dua universiti dapat belajar sesama sendiri terutamanya dari pengalaman unik dalam pembangunan pelancongan dan kelestarian,” katanya.

Pemeteraiannya kerjasama kedua-dua pihak adalah bersempena dengan Seminar Kelestarian 2019 yang dipengerusikan oleh pensyarah kanan QIUP, Prof. Madya Dr. Sofiah Kadar Khan dengan tema Ke Arah Pelancongan Lestari di Malaysia dan turut melibatkan penceramah dari UMS, QIUP dan Universiti Teknologi Petronas.



METERAI: Prof. Dr. Jennifer Chan Kim Lian (dua dari kanan) dan Prof. Dr. Loke Siew-Phaik (dua dari kiri) bertukar dokumen selepas menandatangani surat hasrat antara kedua-dua pihak.